



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Pemberipinjam Wang (Sarawak) (Pindaan) 1987

DR.32/1987

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak).

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pemberipinjam Wang (Sarawak) (Pindaan) 1987.

Tajuk ringkas.

2. Subseksyen (2) seksyen 8 Ordinan Pemberipinjam Wang, yang disebut “Ordinan itu” dalam Akta ini, sebagaimana yang terdapat sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan “, and such exemption may be granted retrospectively” selepas perkataan “Gazette”, dan subseksyen tersebut sebagaimana dipinda hendaklah sentiasa disifatkan sebagai sebahagian integral daripada Ordinan itu dari tarikh mula berkuatkuasanya subseksyen itu sehingga sebaik sahaja sebelum tarikh mula berkuatkuasanya penggantian seksyen 8 tersebut dengan seksyen 3 (1) Akta ini.

Pindaan seksyen 8 (2) secara kebelakangan berkuatkuasa sehingga penggantian seksyen 8 dengan seksyen 3 (1) Akta ini.
Sarawak Bab 114.

Pindaan
seksyen 8
dan kecualian.

3. (1) Ordinan itu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 8 dengan yang berikut:

"Applica-
tion of
Ordinance
and
exemption
therefrom.

8. (1) This Ordinance shall apply to the lending of money at interest by a person other than—

(a) any authority or body established, appointed or constituted by any written law, including any local authority;

(b) any co-operative society registered under the Co-operative Societies Ordinance;

*Sarawak
Cap. 66.*

(c) any bank licensed under the Banking Act 1973 or under Islamic Banking Act 1983;

*Act 102.
Act 276.*

(d) any insurance company licensed under the Insurance Act 1963;

Act 89.

(e) any company licensed under the Takaful Act 1984;

Act 312.

(f) any pawnbroker licensed under the Pawnbrokers Act 1972;

Act 81.

(g) any finance company licensed under the Finance Companies Act 1969; or

Act 6.

(h) any person *bona fide* carrying on any business not having for its primary object the lending of money in the course of which and for the purposes whereof he lends money.

(2) The Minister may—

(a) in consideration of the special circumstances relating to the nature of the business of any body corporate, or the objects of any society, and its financial standing; and

(b) if he is satisfied that it would not be contrary to the public interest to do so,

by notification in the *Gazette* exempt such body corporate or society from all or any of the provisions of this Ordinance, and such exemption shall be granted for such duration as may be specified in the notification, and may be made subject to such limitations, restrictions or conditions as the Minister may specify in the notification.

(3) The Minister may at any time revoke any exemption granted by him under subsection (2) if he is satisfied, after giving the body corporate or the society concerned an opportunity to be heard, that the body corporate or the society, as the case may be, has failed to observe any limitation, restriction or condition subject to which the exemption was granted, or that it is otherwise no longer suitable to continue to be granted exemption.”.

(2) Apa-apa pengecualian daripada peruntukan-peruntukan Ordinan itu yang diberikan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini di bawah subseksyen 2 seksyen 8 Ordinan itu sebagaimana dipinda oleh seksyen 2 Akta ini hendaklah, jika pengecualian itu masih berkuatkuasa sebaik sahaja sebelum mula kuatkuasa tersebut, terus berkuatkuasa mengikut terma-termannya mulai dari tarikh ia diberikan, sama ada diberikan secara kebelakangan atau selainnya.

(3) Orang-orang yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan (a) sehingga (h) subseksyen (1) seksyen 8 Ordinan itu sebagaimana digantikan dengan subseksyen (1) seksyen ini hendaklah sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini sentiasa disifatkan sebagai termasuk dalam kalangan orang yang baginya Ordinan itu tidak terpakai melalui subseksyen (1) seksyen 8 Ordinan itu sebagaimana yang terdapat sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak).

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 8 sebagaimana yang terdapat sebelum mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan ini bagi membuat peruntukan untuk pengecualian daripada peruntukan-peruntukan Ordinan itu yang diberikan oleh Menteri secara kebelakangan. Subseksyen tersebut sebagaimana dipinda adalah disifatkan sebagai sebahagian integral daripada Ordinan itu dari tarikh mula berkuatkuasanya subseksyen itu sehingga sebaik sahaja sebelum tarikh mula berkuatkuasanya penggantian seksyen 8 tersebut dengan *fasal 3 (1)* Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 3 (1)* Rang Undang-Undang ini bertujuan menggantikan seksyen 8 Ordinan itu. Subseksyen (1) seksyen 8 yang dicadangkan menyenaraikan orang-orang yang kepadanya Ordinan itu tidak terpakai. Subseksyen (2) seksyen 8 yang dicadangkan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana pertubuhan perbadanan atau pertubuhan daripada peruntukan-peruntukan Ordinan itu memandangkan hal keadaan yang istimewa berhubungan dengan perniagaan pertubuhan perbadanan, atau tujuan-tujuan pertubuhan itu, dan kedudukan kewangannya, dan jika ia berpuas hati bahawa adalah tidak bertentangan dengan kepentingan awam untuk berbuat demikian. Pengecualian itu hendaklah diberikan melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan hendaklah bagi jangka masa yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu. Pengecualian itu boleh dibuat tertakluk kepada had-had, sekatan-sekatan atau syarat-syarat yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu. Subseksyen (3) seksyen 8 yang dicadangkan memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan apa-apa pengecualian yang diberikan kepada mana-mana pertubuhan perbadanan atau pertubuhan bagi apa-apa kegagalan untuk mengikut apa-apa had, sekatan, atau syarat yang dikenakan dalam pemberitahuan itu, atau jika tidak lagi sesuai selainnya untuk terus diberikan pengecualian, tetapi hanya selepas ia diberikan peluang untuk didengar.

Fasal 3 (2) Rang Undang-Undang ini adalah peruntukan kecualian peralihan yang menguatkuasakan mengikut terma-termannya mana-mana pengecualian yang diberikan di bawah subseksyen (2) seksyen 8 sebagaimana dipinda melalui *fasal 2 (1)* Rang Undang-Undang ini, sama ada pengecualian itu diberikan secara kebelakangan atau selainnya.

Fasal 3 (3) Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat peruntukan bahawa orang-orang yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan (a) sehingga (h) subseksyen (1) seksyen 8 Ordinan itu sebagaimana digantikan dengan *fasal 3 (1)* Rang Undang-Undang ini hendaklah sebelum mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan ini, sentiasa disifatkan sebagai termasuk dalam kalangan orang yang baginya Ordinan itu tidak terpakai melalui subseksyen (1) seksyen 8 Ordinan itu sebagaimana yang terdapat sebelum mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1451.]

